# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 23 SEPTEMBER 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | SESI LIBAT URUS SEMUA PIHAK DIBUAT BAGI STABILKAN HARGA AYAM, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | KPDNHEP, MAFI BERI PINJAMAN MUDAH ATASI KENAIKAN HARGA AYAM, SH -ONLINE | |
| 3. | 'PENGGUNA BOIKOT JIKA HARGA AYAM TERLALU TINGGI', BH -ONLINE | |
| 4. | KPDNHEP, MAFI PANTAU PENIAGA AYAM KAUT UNTUNG, UM -ONLINE | |
| 5. | INDUSTRI DETUJU TURUN HARGA, KERAJAAN TELITI CADANGAN STABILKAN HARGA AYAM, ASTRO AWANI -ONLINE | |
| 6. | DAKWAAN MONOPOLI BARANGAN IMPORT TAK BENR - AHMAD, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | |
| 7. | PIHAK INDUSTRI SETUJU TURUNKAN HARGA AYAM, BH -ONLINE | |
| 8. | CHICKEN PROCES START TO SHOW DOWNWARD TREND, BERITA NASIONAL -TV1 | |
| 9. | INDUSTRY PLAYERS AGREE TO FURTHER REDUCE CHICKEN PRICE, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -8 | |
| 10. | CHICKEN PRICES STABLES, UNDER CONTROL, NATION, SIN CHEW DAILY -16 | |
| 11. | INDUSTRI SETUJU TURUN HARGA, KERAJAAN TELITI CADANGAN STABILKAN HARGA AYAM, BERNAMA -ONLINE | |
| 12. | CHICKEN PRICES STABLE, UNDER CONTROL, SIN CHEW DAILY -ONLINE | |
| 13. | KAWALAN HARGA AYAM KAEDAH LAMA - NAJIB, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | |
| 14. | CHICKEN PRICES GOING DOWN, SAYS MINISTRY, NEWS IN BRIEF, NST -13 | |
| 15. | PAYING MORE FOR LESS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 | |
| 16. | PENTERNAK SETUJU TURUN HARGA AYAM, NASIONAL, BH -2 | |
| 17. | FORMER USED CAR DEALER REAPS LUCRATIVE INCOME FROM FISH CAGE FARMING, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 18. | 2,500 PATIN MATI TAPI TAK PUTUS ASA, LOKAL, HM -12 | |
| 19. | ISU 'TAIK MESIN' MUNCUL SETIAP KALI MUSIM MENUAI, HARAKAH DAILY -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 20. | GOF NABS TEEN WITH 750KG OF SMUGGLED RICE, NEWS IN BRIEF, NST -13 | LAIN-LAIN |
| 21. | PENDUDUK 3 KAMPUNG TANAM JAGUNG HIBRID, KELANTAN, HARAKAH -13 | |
| 22. | LAWAT PROJEK TANAMAN HALIA, CILI API, KOMUNITI KITA, UM -42 | |
| 23. | RICH HARVEST FROM RED ALGAE, NEWS, THE STAR -1 | |
| 24. | PROFITABLE VENTURE FROM ACCIDENTAL FIND, NEWS, THE STAR -2 | |
| 25. | SCIENTIST'S MISSION TO PROMOTE SEAWEED, NEWS, THE STAR -3 | |
| 26. | TANGY CREATIONS INSPIRED BY RED ALGAE, NEWS, THE STAR -3 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/9/2021 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

## Sesi libat urus semua pihak dibuat bagi stabilkan harga ayam



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Roanlad Kiandee (tengah) bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alxander Nanta Linggi semasa mesyuarat bersama di Putrajaya semalam.

KUALA LUMPUR – Walaupun harga ayam ketika ini kembali terkawal namun dua kementerian terlibat bersetuju usaha untuk menstabilkan harga ayam ini secara sesi libat urus dengan semua pihak yang berkepentingan.

Ia perlu diteruskan supaya isu harga ayam dapat di atasi secara holistik.

Itu menurut kenyataan bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Sebelum itu, kedua-dua kementerian juga memantau rapi isu kenaikan harga ayam standard yang berlaku sejak awal September 2021 sehingga harga di peringkat runcit melebihi RM10 sekilogram di beberapa kawasan di seluruh negara.

Berdasarkan data oleh Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada 13 September lalu, sebanyak 98 premis runcit (14.58%) yang diperiksa telah menjual ayam standard pada harga melebihi RM10 sekilogram.

Berikutan itu, KPDNHEP telah melaksanakan pendekatan baharu dengan mengadakan sesi libat urus secara terus dengan peniaga di lokaliti yang mengalami kenaikan harga ayam.

"Usaha ini telah membuahkan hasil apabila data menunjukkan trend penurunan harga ayam berbanding pada awal September yang lalu dan trend ini dijangka akan terus menunjukkan penurunan sekaligus dapat menstabilkan harga ayam di pasaran," kata kenyataan hari ini.

Setakat 20 September lalu, hanya 10 premis (1.74%) masih menjual ayam pada harga melebihi RM10 sekilogram.

Berikutan itu, KPDNHEP dan MAFI semalam telah mengadakan mesyuarat bersama bagi meneliti beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan dalam menangani isu harga ayam.

Mesyuarat dihadiri oleh Alexander dan timbalannya, Datuk Rosol Wahid, Ronald dan timbalan menteri I, Datuk Seri Ahmad Hamzah serta pegawai-pegawai tertinggi kedua-dua kementerian.

Mesyuarat dimaklumkan, melalui sesi libat urus yang telah dilakukan oleh KPDNHEP dan MAFI bersama pihak industri di seluruh negara, pihak industri bersetuju untuk menurunkan lagi harga ayam di peringkat pengeluar dan ladang supaya harga di peringkat borong dan runcit juga dapat distabilkan sekaligus membantu pengguna untuk menikmati harga ayam pada harga yang berpatutan.

Hasil daripada perbincangan yang diadakan semalam, kedua-dua Kementerian bersetuju untuk meneliti beberapa cadangan daripada pihak industri berkaitan usaha untuk menstabilkan harga ayam, antaranya pemberian kemudahan pinjaman mudah (soft-loan) bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang mencukupi dan menangani isu peningkatan kos pengeluaran ayam berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam yang diimport.

Selain daripada itu, kerajaan turut mempertimbangkan kawalan harga di semua peringkat disokong dengan pemberian subsidi kepada rantaian tertentu sebagai salah satu usaha menangani isu kenaikan harga ayam selain cadangan untuk melaksanakan sistem permohonan permit bagi penjualan sekiranya usaha Kerajaan untuk menanganinya tidak mendapat kerjasama daripada peniaga di semua peringkat.

"Akhir sekali, pihak KPDNHEP akan meneruskan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan jika terdapat mana-mana pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut terutama di dalam situasi semasa ketika ini, tindakan tegas akan diambil.

Peniaga boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan sekiranya sabit kesalahan, peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000.00 sekiranya suatu perbadanan/syarikat dan bagi bukan perbadanan/ individu boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.- MalaysiaGazette

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/9/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# KPDNHEP, MAFI beri pinjaman mudah atasi kenaikan harga ayam



Dua kementerian bersetuju untuk meneruskan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan supaya isu harga ayam dapat diatasi secara holistik. - Foto Bernama

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersetuju untuk memberi kemudahan pinjaman mudah atau 'soft-loan' bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang mencukupi.

KPDNHEP dan MAFI dalam kenyataan bersama pada Rabu berkata, pemberian tersebut diharap dapat menangani isu peningkatan kos pengeluaran ayam berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam yang diimport.

"Selain itu, kerajaan turut mempertimbangkan kawalan harga di semua peringkat disokong dengan pemberian subsidi kepada rantaian tertentu sebagai usaha menangani isu kenaikan harga ayam.

"Kerajaan juga bercadang untuk melaksanakan sistem permohonan permit (AP) bagi penjualan ayam sekiranya usaha ini tidak mendapat kerjasama daripada peniaga di semua peringkat.

"Pihak industri bersetuju untuk menurunkan lagi harga ayam di peringkat pengeluar dan ladang supaya harga di peringkat borong dan runcit juga dapat distabilkan sekali gus membantu pengguna menikmati harga ayam dengan harga berpatutan," katanya.

Kenyataan bersama itu membabitkan Menteri Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Sri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Kenyataan tersebut turut memaklumkan, walaupun harga ayam kembali terkawal ketika ini, dua kementerian itu bersetuju untuk meneruskan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan supaya isu harga ayam dapat diatasi secara holistik.

Menurut mereka, KPDNHEP akan meneruskan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 serta akan mengambil tindakan tegas jika ada pihak sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut terutama dalam situasi ini.

"Peniaga boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 14(1) AKHAP 2011 dan jika sabit kesalahan, peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 sekiranya perbadanan atau syarikat.

"Bagi bukan perbadanan atau individu boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," jelas mereka.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/9/2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# 'Pengguna boikot jika harga ayam terlalu tinggi'




KUALA LUMPUR: Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menyokong penurunan harga ayam, sekali gus mengelak kesan negatif terhadap penternak.

Penasihat FLFAM, Datuk Jeffrey Ng, berkata harga ayam yang terlalu tinggi berisiko menyebabkan ia diboikot pengguna yang mempunyai banyak pilihan sumber protein lain.

"Kami tidak mahu harga ayam terlalu tinggi, itu bukan matlamat kami, malah kami risau pengguna akan beralih kepada sumber makanan lain kerana ayam bukan satu-satunya makanan yang mereka boleh pilih.

"Sebab itu kami was-was jika harga ayam naik kerana ia akan menjejaskan perusahaan kami juga," katanya kepada BH, hari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dalam kenyataan bersama hari ini memaklumkan pihak industri bersetuju menurunkan harga ayam di peringkat pengeluar atau peladang.

Persetujuan yang membolehkan pengguna mendapatkan bekalan ayam dengan harga berpatutan itu dicapai dalam satu mesyuarat libat urus diadakan dua kementerian itu bersama pihak industri di seluruh negara, semalam.

Kedua-dua kementerian itu juga bersetuju meneliti beberapa cadangan daripada pihak industri berkaitan usaha menstabilkan harga ayam termasuk pemberian kemudahan pinjaman mudah bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang mencukupi dan menangani isu peningkatan kos pengeluaran ayam berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam diimport.

Sementara itu, Jeffrey berharap kerajaan tidak menetapkan harga siling ayam walaupun mempunyai kuasa berbuat demikian.

Beliau berkata, ini kerana Malaysia mengamalkan pasaran bebas, manakala harga ayam tidak meningkat pada setiap masa.

Katanya, sebagai pengguna, pihak persatuan juga memahami campur tangan kerajaan dalam menstabilkan harga ayam dibuat kerana tidak mahu kos kehidupan rakyat meningkat.

"Sebab itu kita meminta masyarakat turut memahami dilema kami sebagai penternak yang berdepan kenaikan kos operasi.

"Contohnya, makanan ayam meningkat RM26 bagi setiap 50 kilogram sejak Oktober tahun lalu, manakala harga anak ayam pula naik kepada RM2.10 seekor.

"Apabila kos meningkat, sekiranya berdepan kerugian, jumlah kerugian itu menjadi sangat besar," katanya.

Mengulas lanjut Jeffrey mengalu-alukan pertimbangan kerajaan memberikan pinjaman mudah kepada penternak bagi membantu modal pusingan mereka.

Katanya, sebelum ini dengan modal RM100,000, penternak boleh menternak kira-kira 10,000 ekor ayam, namun dengan peningkatan kos pada masa ini, jumlah itu semakin menguncup.

"Sebab itu saya beritahu kepada menteri dalam sesi libat urus sebelum ini, jika nak bantu kami dan mahu harga ayam murah sedikit, kerajaan perlu bantu dari segi kewangan.

"Jika kita rugi, permohonan pinjaman dengan bank juga tidak diluluskan. Jadi bagaimana kami dapat bertahan" katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/9/2021 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# KPDNHEP, MAFI pantau peniaga ayam kaut untung



Ronald Kiandee (kanan) bersama Alexander Nanta Linggi pada Mesyuarat Pelan Tindakan Kenaikan Harga Ayam Antara KPDNHEP dan MAFI di Putrajaya semalam..

PETALING JAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), memantau rapi isu kenaikan harga ayam standard melebihi RM10 sekilogram di beberapa kawasan di seluruh negara.

Menurut Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, berdasarkan data oleh Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) KPDNHEP, sebanyak 14.58 peratus atau 98 premis runcit diperiksa menjual ayam standard dengan harga melebihi RM10 sekilogram pada 13 September 2021.

Katanya, KPDNHEP melaksanakan pendekatan baharu dengan mengadakan sesi libat urus secara terus dengan peniaga di lokaliti yang mengalami kenaikan harga ayam.

"Usaha itu membuahkan hasil apabila data menunjukkan trend penurunan harga ayam berbanding pada awal September yang lalu dan dijangka berterusan.

"Setakat 20 September , hanya 1.74 peratus atau 10 premis masih menjual ayam pada harga melebihi RM10 sekilogam," katanya dalam satu kenyataan bersama Menteri MAFI, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Semalam, KPDNHEP dan MAFI mengadakan mesyuarat bersama bagi meneliti beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan dalam menangani isu harga ayam ini.

Mesyuarat itu turut dihadiri oleh Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid, Timbalan Menteri satu MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah serta pegawai-pegawai tertinggi kedua-dua kementerian.

Ronald berkata, hasil perbincangan bersama pihak industri, mereka bersetuju menurunkan lagi harga ayam di peringkat pengeluar dan ladang supaya harga di peringkat borong dan runcit juga dapat distabilkan.

Menurutnya, kerajaan turut mempertimbangkan kawalan harga di semua peringkat disokong dengan pemberian subsidi kepada rantaian tertentu sebagai salah satu usaha menangani isu kenaikan harga ayam itu.

"Cadangan untuk melaksanakan sistem permohonan permit import (AP) bagi penjualan ayam juga diusulkan sekiranya usaha kerajaan untuk menangani isu harga ayam ini tidak mendapat kerjasama daripada peniaga di semua peringkat," jelasnya.

Beliau menambah, tindakan tegas akan diambil oleh pihak KPDNHEP menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 jika terdapat mana-mana pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah.

Sekira disabit kesalahan, peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi suatu perbadanan atau syarikat dan bagi bukan perbadanan atau individu boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan selama tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.- UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/9/2021 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Industri setuju turun harga, kerajaan teliti cadangan stabilkan harga ayam



*Pihak industri telah bersetuju menurunkan lagi harga ayam pada peringkat pengeluar serta ladang. - Gambar hiasan/BERNAMA*

**PUTRAJAYA:** Pihak industri telah bersetuju menurunkan lagi harga ayam pada peringkat pengeluar serta ladang, supaya harga pada peringkat borong dan runcit dapat distabilkan dan membantu pengguna menikmati harga ayam yang berpatutan.

Perkara itu dimaklumkan dalam kenyataan bersama dikeluarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, pada Rabu.

Menurut kenyataan itu, dalam mesyuarat antara kedua-dua kementerian itu semalam, kerajaan juga bersetuju untuk meneliti beberapa cadangan daripada pihak industri berkaitan usaha menstabilkan harga ayam.

Antaranya adalah pemberian kemudahan pinjaman mudah bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang mencukupi dan menangani isu peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam yang diimport.

Kerajaan juga akan mempertimbangkan kawalan harga di semua peringkat, disokong dengan pemberian subsidi kepada rantaian tertentu sebagai salah satu usaha menangani isu kenaikan harga ayam, katanya.

Turut dipertimbangkan ialah cadangan melaksanakan sistem permohonan permit (AP) bagi penjualan ayam sekiranya usaha kerajaan untuk menangani isu harga ayam tidak mendapat kerjasama daripada peniaga di semua peringkat.

KPDNHEP dan MAFI juga akan memantau rapi isu kenaikan harga ayam standard yang berlaku sejak awal bulan ini iaitu harga runcit didapati melebihi RM10 sekilogram di beberapa kawasan, menurut kenyataan itu.

Berdasarkan data daripada Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) KPDNHEP pada 13 Sept lepas, terdapat 98 premis runcit yang diperiksa telah menjual ayam standard pada harga melebihi RM10 sekilogram.

Susulan itu, KPDNHEP telah melaksanakan pendekatan baharu dengan mengadakan sesi libat urus secara terus dengan peniaga di lokaliti yang mengalami kenaikan harga ayam.

"Usaha ini telah membuahkan hasil apabila data menunjukkan trend penurunan harga ayam berbanding pada awal September dan trend ini dijangka akan terus menunjukkan penurunan, sekali gus dapat menstabilkan harga ayam di pasaran," katanya lagi.

KPDNHEP juga akan meneruskan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan tindakan tegas akan diambil jika terdapat pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/9/2021 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

## Dakwaan monopoli barangan import tak benar – Ahmad




Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menempelak dakwaan kononnya berlaku monopoli barangan import sehingga menyebabkan harga makanan menjadi mahal.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, tuduhan yang dilemparkan Ahli Parlimen Tampin, Datuk Dr Hasan Bahrom (PH) pada sesi penggulungan Titah Diraja baru-baru ini tidak benar.

Katanya, tujuan kementeriannya menjalankan kawalan kuota melalui permit import syarikat (AP) adalah bagi memastikan bekalan makanan mencukupi daripada keluaran pertanian terpilih iaitu kelapa biji tua, susu cair, kobis bulat, keratan ayam dan beras.

Pada masa sama, kata beliau, pelaksanaan AP dapat menghalang berlaku lambakan pengeluaran pertanian terpilih di pasaran yang boleh menjejaskan daya saing dan pengeluaran petani tempatan.

"Permohonan kuota import dinilai dari aspek syarikat yang dipohon seperti yang telah ditetapkan. Bagi memastikan bekalan mencukupi dan tidak berlaku lambakan, pertimbangan permohonan juga diberikan kepada anggaran tahunan permintaan serta pengeluaran tempatan.

"Bagi kelapa tua, kobis bulat, susu cair dan keratan ayam, MAFI tidak menetapkan sebarang had pemegang kuota import.

"Bagi kuota import beras, kerajaan masih meneruskan dasar pengimport utama yang diperkenalkan sejak tahun 1974 dengan mengambil kira dasar ini adalah penting dan relevan.

"Ini bagi menjamin kelangsungan beras dalam negara di mana Bernas telah dilantik pengimport utama mewakili kerajaan Malaysia. Sebarang keputusan kerajaan dengan mempertimbangkan semua aspek secara menyeluruh bagi melindungi komoditi beras sebagai makanan ruji rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi penggulungan Titah Diraja kementeriannya di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Ahmad memaklumkan, MAFI telah menggubal Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dengan mengambil kira isu sekuriti makanan yang meliputi daya saing dan kemampanan berdasarkan prinsip Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Mampan 2030 di samping Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan RMKe-13.

Pada masa sama katanya, Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 turut dirangka bagi memastikan kestabilan sistem makanan negara kekal terjamin merangkumi lima aspek iaitu memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan.

"Ini sebagai langkah prakmatif bagi mempertingkatkan lagi kecekapan produktiviti sistem ini berdasarkan skala ekonomi pertanian mampan.

"Kedua adalah pemerkasaan penyelidikan dan pembangunan berteraskan sekuriti makanan ke arah meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran makanan dan input pertanian secara domestik," tambahnya. – MalaysiaGazette

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/9/2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

## Pihak industri setuju turunkan harga ayam



PUTRAJAYA: Pihak industri bersetuju untuk menurunkan harga ayam di peringkat pengeluar atau peladang sekali gus membolehkan pengguna mendapatkan bekalan bahan makanan itu dengan harga berpatutan.

Dalam kenyataan bersama oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, persetujuan itu dicapai dalam satu mesyuarat libat urus yang diadakan oleh dua kementerian itu bersama pihak industri di seluruh negara, semalam.

Katanya, kedua-dua kementerian itu juga bersetuju meneliti beberapa cadangan daripada pihak industri berkaitan usaha menstabilkan harga ayam.

"Cadangan ini termasuk pemberian kemudahan pinjaman mudah (soft-loan) bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang mencukupi dan menangani isu peningkatan kos pengeluaran ayam berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam yang diimport.

"Selain daripada itu, kerajaan turut mempertimbangkan kawalan harga di semua peringkat disokong dengan pemberian subsidi kepada rantaian tertentu sebagai salah satu usaha menangani isu kenaikan harga ayam ini.

"Turut dicadangkan ialah untuk melaksanakan sistem permohonan permit (AP) bagi penjualan ayam, sekiranya usaha kerajaan untuk menangani isu harga ayam ini tidak mendapat kerjasama daripada peniaga di semua peringkat," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut kenyataan itu lagi, kedua-dua kementerian berkenaan turut memantau rapi isu kenaikan harga ayam standard yang berlaku sejak September lalu sehingga pernah mencecah RM10 sekilogram yang dijual di peringkat runcit di beberapa kawasan seluruh negara.

"Berdasarkan data oleh Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) KPDNHEP pada 13 September lalu, sejumlah 98 premis runcit (14.58 peratus) yang diperiksa menjual ayam standard pada harga melebihi RM10 sekilogram.

"Berikutan itu, KPDNHEP melaksanakan pendekatan baharu dengan mengadakan sesi libat urus secara terus dengan peniaga di lokaliti yang mengalami kenaikan harga ayam.

"Usaha berkenaan membuahkan hasil apabila data menunjukkan trend penurunan harga ayam berbanding pada awal September yang lalu dan trend ini dijangka akan terus menunjukkan penurunan sekali gus dapat menstabilkan harga ayam di pasaran.

"Sehingga Isnin lalu, hanya 10 premis (1.74 peratus) masih menjual ayam pada harga melebihi RM10 sekilogram," katanya.

Dalam pada itu, pihak KPDNHEP akan terus memantau dan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan jika terdapat mana-mana pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut terutama di dalam situasi semasa ketika ini, tindakan tegas akan diambil.

"Peniaga boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan sekiranya sabit kesalahan, peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 sekiranya suatu perbadanan atau syarikat dan bagi bukan perbadanan/ individu boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/9/2021 | BERITA NASIONAL | TV1 | |

**CHICKEN PRICES START TO SHOW DOWNWARD TREND**



| Headline | Industry players agree to further reduce chicken price | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 23 Sep 2021 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 8 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 146 cm² |
| Journalist | Bernama | AdValue | RM 995 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,985 |



# Industry players agree to further reduce chicken price

**PUTRAJAYA:** Industry players have agreed to further reduce the price of chicken at the producer and farm levels in order to stabilise the wholesale and retail prices and help consumers enjoy chicken at a reasonable price.

The matter was informed in the meeting between the Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) and the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) Tuesday which was attended by the respective ministers, namely Datuk Seri Dr Ronald Kiandee and Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

In a joint statement issued by Ronald and Nanta yesterday, it said the meeting has agreed to look into several suggestions from the industry on ways to stabilise the chicken price.

Among them was the provision of soft loan facilities to help the industry maintain sufficient poultry production and address the issue of rising production costs due to the increase in the price of imported chicken feed.

According to the statement, the government will consider price control at all levels, supported by the provision of subsidies to certain chains as one of the efforts to tackle the price hike issue.

Also being considered is the proposal to implement

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Industry players agree to further reduce chicken price | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 23 Sep 2021 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 8 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 146 cm² |
| Journalist | Bernama | AdValue | RM 995 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,985 |

the approved permit (AP) system for chicken sale if the government's effort to address the issue did not get any cooperation from traders at all levels.

It said that KPDNHEP and MAFI were closely monitoring the increase in the price of standard chicken since early this month, where retail prices of over RM10 per kg were detected in several areas.

Based on the data from KPDNHEP's National Product Price Division on Sept 13, a total of 98 retail premises were found selling standard chicken at a price of more than RM10 per kg.

As such, KPDNHEP had implemented a new approach by holding direct engagement sessions with traders at localities experiencing the price hike.

"This effort has borne fruit when the data shows a downward trend in chicken prices compared to early September and this trend is expected to continue, thus stabilising chicken prices in the market," the statement read.

It added that KPDNHEP would continue with enforcement action under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 and take stern action on any parties who deliberately take unreasonable profit. — Bernama

Powered by: isentia

| Headline | Chicken prices stable, under control | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 23 Sep 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 16 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 184 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,542 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,626 |





农业和食品工业部及贸消部召开联合会议，以审查可解决鸡肉价格问题的建议。前排左起为阿末韩查、罗纳建迪及亚历山大。（由农业和食品工业部提供）

## 農業貿消部嚴密監督

# 雞肉價穩定受控

（八打灵再也22日讯）农业和食品工业部，以及国内贸易及消费人事务部针对9月份以来国内鸡肉价格上涨的问题进行严密监督，成功的降低及稳定了国内鸡肉价格的趋势。

农业和食品工业部今日发文告指出，根据国家商品价格局（BHBN）于9月13日的数据，在该局检查的零售商中，共有98家（14.58%）零售商以超过每公斤10令吉的价格出售鸡肉。

文告称，贸消部对此实施了新的方案，与遭受鸡肉价格上涨问题的本地商家进行直接的协商，而该项努力也取得了成果，如今国内鸡肉价格相比9月初有明显的下降趋势。

贸消部预计有关趋势将持续下去，并且将进一步稳定市场上的鸡肉价格，其中截至9月20日的数据显示，仅有10家被检查的零售商（1.74%）仍然以高于每公斤10令吉的价格出售。

### 将续与商家协商

文告指出，虽然鸡肉价格现已受到控制，但农业和食品工业部及贸消部一致认为，将继续通过与商家协商来稳定市场的鸡肉价格，并且还在昨日召开了联合会议，以审查几项可解决鸡肉价格问题的建议。

"该会议的出席者包括贸消部部长拿督斯里亚历山大和副部长拿督罗索华希，农业和食品工业部部长拿督斯里罗纳建迪和副部长拿督斯里阿末韩查等。"

文告称，两个部门于昨日的会议中也同意将实施几项稳定鸡肉价格的建议，其中包括提供贷款措施，以帮助业者保持足够的鸡肉产量和解决成本上升的问题。

### 考虑补贴部分连锁店

此外，政府也正考虑向部分连锁店提供补贴支持各级价格的控制，以作为解决鸡肉价格上涨问题的努力之一，而若政府所采取的努力无法获得业者们的合作，则建议对鸡肉售卖活动落实申请许可证系统。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/9/2021 | BERNAMA | ONLINE | |

# Industri setuju turun harga, kerajaan teliti cadangan stabilkan harga ayam



PUTRAJAYA, 22 Sept – Pihak industri telah bersetuju menurunkan lagi harga ayam pada peringkat pengeluar serta ladang, supaya harga pada peringkat borong dan runcit dapat distabilkan dan membantu pengguna menikmati harga ayam yang berpatutan.

Perkara itu dimaklumkan dalam kenyataan bersama dikeluarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, hari ini.

Menurut kenyataan itu, dalam mesyuarat antara kedua-dua kementerian itu semalam, kerajaan juga bersetuju untuk meneliti beberapa cadangan daripada pihak industri berkaitan usaha menstabilkan harga ayam.

Antaranya adalah pemberian kemudahan pinjaman mudah bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang mencukupi dan menangani isu peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam yang diimport.

Kerajaan juga akan mempertimbangkan kawalan harga di semua peringkat, disokong dengan pemberian subsidi kepada rantaian tertentu sebagai salah satu usaha menangani isu kenaikan harga ayam, katanya.

Turut dipertimbangkan ialah cadangan melaksanakan sistem permohonan permit (AP) bagi penjualan ayam sekiranya usaha kerajaan untuk menangani isu harga ayam tidak mendapat kerjasama daripada peniaga di semua peringkat.

KPDNHEP dan MAFI juga akan memantau rapi isu kenaikan harga ayam standard yang berlaku sejak awal bulan ini iaitu harga runcit didapati melebihi RM10 sekilogram di beberapa kawasan, menurut kenyataan itu.

Berdasarkan data daripada Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) KPDNHEP pada 13 Sept lepas, terdapat 98 premis runcit yang diperiksa telah menjual ayam standard pada harga melebihi RM10 sekilogram.

Susulan itu, KPDNHEP telah melaksanakan pendekatan baharu dengan mengadakan sesi libat urus secara terus dengan peniaga di lokaliti yang mengalami kenaikan harga ayam.

"Usaha ini telah membuahkan hasil apabila data menunjukkan trend penurunan harga ayam berbanding pada awal September dan trend ini dijangka akan terus menunjukkan penurunan, sekali gus dapat menstabilkan harga ayam di pasaran," katanya lagi.

KPDNHEP juga akan meneruskan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan tindakan tegas akan diambil jika terdapat pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah.

– BERNAMA



23 SEP, 2021

# Chicken prices stable, under control

Sin Chew Daily, Malaysia





农业和食品工业部及贸消部召开联合会议，以审查可解决鸡肉价格问题的建议。前排左起为阿末韩查、罗纳建迪及亚历山大。（由农业和食品工业部提供）

## 農業貿消部嚴密監督

# 雞肉價穩定受控

（八打灵再也22日讯）农业和食品工业部，以及国内贸易及消费人事务部针对9月份以来国内鸡肉价格上涨的问题进行严密监督，成功的降低及稳定了国内鸡肉价格的趋势。

农业和食品工业部今日发文告指出，根据国家商品价格局（BHBN）于9月13日的数据，在该局检查的零售商中，共有98家（14.58%）零售商以超过每公斤10令吉的价格出售鸡肉。

文告称，贸消部对此实施了新的方案，与遭受鸡肉价格上涨问题的本地商家进行直接的协商，而该项努力也取得了成果，如今国内鸡肉价格相比9月初有明显的下降趋势。

贸消部预计有关趋势将持续下去，并且将进一步稳定市场上的鸡肉价格，其中截至9月20日的数据显示，仅有10家被检查的零售商（1.74%）仍然以高于每公斤10令吉的价格出售。

### 将续与商家协商

文告指出，虽然鸡肉价格现已受到控制，但农业和食品工业部及贸消部一致认为，将继续通过与商家协商来稳定市场的鸡肉价格，并且还在昨日召开了联合会议，以审查几项可解决鸡肉价格问题的建议。

"该会议的出席者包括贸消部部长拿督斯里亚历山大和副部长拿督罗索华希，农业和食品工业部部长拿督斯里罗纳建迪和副部长拿督斯里阿末韩查等。"

文告称，两个部门于昨日的会议中也同意将实施几项稳定鸡肉价格的建议，其中包括提供贷款措施，以帮助业者保持足够的鸡肉产量和解决成本上升的问题。

### 考虑补贴部分连锁店

此外，政府也正考虑向部分连锁店提供补贴支持各级价格的控制，以作为解决鸡肉价格上涨问题的努力之一，而若政府所采取的努力无法获得业者们的合作，则建议对鸡肉售卖活动落实申请许可证系统。

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: 16 PRINTED SIZE: 184.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 5,542.00 ITEM ID: MY0045340209



23 SEP, 2021

# Chicken prices stable, under control

Sin Chew Daily, Malaysia



## SUMMARIES

农业和食品
工业部及贸消部3开联合会议，以审查可解决鸡肉价格问题的建议。前排左起为阿末韩查、罗纳建迪及亚历山大。(由农业和食品工
业部提供）農業貿消音(八打灵再也2２日讯） 农业和食品工业部， 以及国内贸易及消费人事务部针对9
月份以来国内鸡肉价格上涨的问题进行严密监督，
成功的降低及稳定了国内鸡肉价格的趋势。农业和食品工业部今日发文告指出，根据国家商品价格局（BHBN)于9月13日的数据，
在

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/9/2021 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# Kawalan harga ayam kaedah lama – Najib




Najib Razak

KUALA LUMPUR – Kawalan harga maksimum ke atas ayam adalah kaedah lama yang tidak akan menyelesaikan kenaikan harga ayam.

Sebaliknya, kaedah lapuk itu hanya akan menyebabkan kekurangan bekalan ayam, kata Datuk Seri Najib Razak.

"...sebab siapa yang nak ternak jika terpaksa menjual pada harga yang lebih rendah berbanding harga pengeluaran?," katanya dalam hantaran di Facebook hari ini.

Lantaran itu, beliau berharap kementerian kewangan menyelesaikan punca utama kenaikan harga dan kekurangan bekalan ayam iaitu harga dedak yang naik berganda sejak tahun lepas.

"Dulu tak boleh bawah kerajaan lama, kini boleh.

"Harap selepas ini, harga ayam akan lebih stabil dan rendah sebab ianya merupakan makanan asas bagi sebahagian besar rakyat pada ketika pendapatan masih terjejas akibat Covid," ujarnya.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz baru-baru ini berkata, kementerian itu akan mencari kaedah terbaik bagi menstabilkan harga ayam di pasaran, termasuk melihat sama ada sistem subsidi kepada penternak perlu dilaksanakan.

Katanya, MOF akan berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), bagi meneliti secara menyeluruh impak kepada penternak ayam dan pengguna.

"Kerajaan sedar isu harga ayam yang meningkat naik menjadi rungutan masyarakat.

"Apa-apa keputusan yang mahu dilaksana perlu dilihat dari segi impak terhadap penternak selain semua pihak terbabit dalam rantaian industri makanan, dan yang paling penting sekali adalah impak kepada pengguna, itu adalah keutamaan kerajaan," tambah beliau. – MalaysiaGazette

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/9/2021 | NST | NEWS IN BRIEF | 13 |

# Chicken prices going down, says ministry

**PUTRAJAYA:** The price of chicken is showing a downward trend from the previous week, said Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam. He said this finding was based on inspections at 600 premises on Monday. "We found that the average price of chicken nationwide is at RM8.79 per kg. It is better than the RM11 to RM11.50 recorded two weeks ago." Azman said 11 premises were found still selling chicken at RM10 and above. "There are 147 premises selling chicken at RM9.50 and above, while 339 premises were selling at RM9.50 and below and 103 premises were selling at RM8 and below." He attributed the downward trend to the ministry forging close cooperation with everyone in the chicken distribution chain, including wholesalers, breeders and retailers. **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/9/2021 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 3 |



The per kilogramme price of chicken has risen by RM1 since late August, with further hikes expected in coming weeks. – *ASYRAF RASID/THESUN*

# Paying more for less

## Price hikes at the market blamed on pandemic-induced conditions, govt urged to help

BY **ELWIN DAVA**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** At the market, consumers are now getting a lot less than they used to.

The prices of almost all items, from fish to vegetables, have risen significantly over the past few weeks.

